



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	21/05/2012

Kosmo - 21/5/2012

Orang Melayu penentu kemenangan pilihan raya

GEORGE TOWN - Masyarakat Melayu boleh memainkan peranan sebagai pengundi penentu pada setiap pilihan raya walaupun mereka adalah golongan minoriti di sesebuah kawasan, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**).

Mengambil contoh situasi di Pulau Pinang, bekas Perdana Menteri itu berkata, masyarakat Melayu di negeri tersebut mampu menjadi penentu kepada kemenangan Barisan Nasional (BN), walaupun majoriti penduduknya adalah masyarakat Cina.

"Umpamanya, kalau ada pilihan raya di kawasan melibatkan pertandingan antara parti DAP dengan MCA dan masyarakat Melayu bagi undi kepada MCA, maka MCA akan menang. Ini kerana undi orang Cina iaitu separuh bagi MCA separuh bagi DAP.

"Kita mainkan peranan sebagai penentu bagi suatu pilihan raya. Undi masyarakat Melayu boleh menentukan siapa yang akan me-

nang," katanya ketika berucap pada program *Bicara Minda* bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad anjuran Perhubungan Veteran UMNO negeri di sini semalam.

Beliau berkata, masyarakat Melayu perlu bijak memainkan peranan mereka dalam politik negara dan perlu bersatu bagi memastikan nasib mereka tidak dipinggirkan di negeri yang majoritinya bukan Melayu.

"Kita masih lagi mempunyai kedudukan yang baik jika kita bersatu padu. Kita boleh main peranan dalam politik negara kalau kita yang kecil ini tidak berpecah-belah," katanya.

Dr. Mahathir juga mahu UMNO mengamalkan sikap terbuka dalam menerima keanggotaan baharu dengan menggalakkan penglibatan golongan profesional dan berpelajaran bagi memastikan parti tersebut mendapat tempat dalam kelompok itu.

